

03/02/2000

Ahli Umno diminta fikir kesan perebutan jawatan

IPOH, Rabu - Setiap ahli Umno sepatutnya memikirkan kesan perebutan jawatan terhadap perpaduan parti sebelum menuntut jawatan tertinggi parti dipertandingkan pada pemilihan Mei ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, berkata mereka juga seharusnya berani membetulkan diri masing-masing apabila mendapati tuntutan mereka itu hanya menjurus kepada pepecahan seperti yang berlaku pada 1987.

Katanya, sejarah Umno membuktikan perpaduan utuh sesama ahli dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang menjadi faktor kejayaan parti dalam perjuangan membela nasib bangsa Melayu.

"Sepanjang kewujudan Umno sejak 54 tahun lalu, Umno berjaya mengatasi pelbagai masalah, dan punca kejayaan itu ialah perpaduan antara ahli sendiri," katanya selepas melawat Jabatan Penerangan negeri di sini.

Beliau mengulas penjelasan Perdana Menteri semalam bahawa nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan adalah bagi mengelakkan pepecahan, bukan mengongkong proses pemilihan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden Umno, berkata berdasarkan pengalaman Umno lalu, pertandingan biasanya cenderung membawa perpecahan dalam parti.

"Kalau siapa pun menang, ia cuma dapat separuh saja daripada sokongan. ini bermakna semakin lama semakin terhakis kekuatan Umno. Yang kalah akan tarik diri, akan kecewa dan mungkin sokong parti lain," katanya sekembalinya dari percutian selama tiga minggu di luar negara.

Dr Mahathir mengulas gesaan pihak tertentu dalam parti yang mahu jawatan presiden dan timbalan presiden dipertandingkan sejajar dengan aspirasi akar umbi yang dikatakan mahu perubahan atau reformasi dalam Umno.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata ahli Umno tidak boleh mengetepikan sejarah bahawa perebutan jawatan tertinggi menyebabkan perpecahan dalam parti sehingga Umno pernah diharamkan.

Beliau yang juga Menteri Besar berkata, tidak ada sebab sejarah perpecahan lalu tidak berulang jika dua jawatan tertinggi parti terus dicabar pada perhimpunan agung Mei ini.

(END)